



SEDIH... Subramaniam tidak dapat menyembunyikan perasaan sedihnya setelah diumumkan gagal mempertahankan jawatan Timbalan Presiden MIC.

Tunaikan janji anda – Subramaniam

UM-25/6/2006

KUALA LUMPUR 24 Jun - Penyandang, Timbalan Presiden MIC sejak sekian lama Datuk S. Subramaniam menerima kekalannya hari ini kepada Datuk G. Palanivel dalam pemilihan parti, dan menggesa barisan baru parti menunaikan janji yang dibuat sepanjang kempen pemilihan.

"Terdapat banyak janji yang dibuat dan saya berharap mereka akan menunaikannya demi masyarakat India. Saya menerima dan menghormati keputusan perwakilan," kata Subramaniam selepas pengumuman keputusan pemilihan.

"Kini presiden telah mempunyai pasukannya sendiri dan saya berharap mereka akan bergerak dalam arah yang sama," katanya kepada pemberita.

Subramaniam, yang memegang jawatan nombor dua MIC sejak 1981, hanya memperoleh 495 undi berbanding Palanivel yang

mendapat 933 undi.

Bekas Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu berkata beliau akan kekal menjadi anggota biasa parti dan ketua bahagian Seputeh, dan akan terus berkhidmat kepada masyarakat.

Subramaniam, yang tersisih selepas beliau tidak diberikan kerusi untuk bertanding di bawah tiket Barisan Nasional dalam pilihan raya umum 2004, berkata: "Dalam satu-satu pertandingan, menang atau kalah adalah lumrah dan saya menggesa penyokong saya supaya bertenang dan menghormati keputusan perwakilan."

Mengenai strategi kempennya, beliau berkata ia tidak silap dan usahanya diterjemahkan dengan jumlah undi yang agak besar yang diterimanya.

– Bernama